

21 NOV 1999

DR MAHATHIR: KEMERDEKAAN TERGUGAT JIKA KERAJAAN LEMAH

ALOR SETAR, 21 Nov (Bernama) -- Malaysia memerlukan kerajaan yang utuh bagi mempertahankan kemerdekaan negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata kemerdekaan tidak akan wujud lagi jika rakyat tersilap memilih kerajaan yang tidak sanggup mempertahankan negara dan menerima apa sahaja arahan orang asing.

Rakyat akan dihina dan ditindas jika kemerdekaan negara sudah tiada lagi, katanya di majlis perjumpaan dengan warga tentera Kem Tok Jalai, di sini, hari ini.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan sedang mengkaji tuntutan kenaikan 44 jenis elaun tentera ketika ini.

Di majlis itu, Perdana Menteri turut mengucapkan terima kasih kepada tentera dan keluarga anggota tentera yang sanggup berkorban untuk mempertahankan kemerdekaan negara.

-- BERNAMA

JM MFJ PR